

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PENGURUS KOPSYA
MERANGKAP PRESIDEN ANGKATAN
KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA
BERHAD (ANGKASA)**

**PROGRAM IFTAR KOPSYA
DEWAN KOMUNITI BUKIT DAMANSARA 3
20 MAC 2025 (KHAMIS)
6.15 PETANG**

SALUTASI

1. Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul
Dzaimee Bin Daud
Ketua Setiausaha Kementerian
Pembangunan Usahawan dan
Koperasi (KUSKOP),

2. Yang Berusaha Encik Azizul bin Alias
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Koperasi,
Penjaja dan Peniaga Kecil KUSKOP
Merangkap Anggota Lembaga
ANGKASA
3. Yang Berbahagia Dato' Mohd Syukri
bin Abdul Majid
Ahli Lembaga Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
4. Yang Berusaha Tuan Haji Azam bin
Sulaiman
Naib Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
(Dasar dan Pembangunan)
5. Yang Berusaha Encik Rozdeen bin
Mohd Jaafar
Naib Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
(Pengurusan)

6. Yang Berbahagia Dr. Mohd Azlan bin Yahya
Timbalan Presiden
Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (ANGKASA)
7. Yang Berbahagia Dato' Haji Che Mohd Shukree bin Che Isa
Anggota Lembaga
Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (ANGKASA)
8. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
Anggota Lembaga
Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (ANGKASA)
9. Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Jamil bin Othman
Timbalan Pengerusi KOPSYA
10. Yang Berusaha Tuan Haji Alimen bin Ahmad
Setiausaha KOPSYA

11. Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Nor bin Mohamad
Bendahari KOPSYA
12. Barisan Anggota Lembaga KOPSYA
13. Barisan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri dari Seluruh Malaysia
14. Barisan Jawatankuasa Audit Dalam KOPSYA
15. Anak2 Yatim dari Pusat Jagaan Darul Sakinah
16. Pemimpin dan anggota koperasi, Rakan Perniagaan Strategik seperti Bank, Peguam, media dan pihak berkepentingan yang turut hadir pada Majlis Iftar KOPSYA pada petang yang berbahagia ini.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, diizinkan kita berhimpun di sini untuk sama-sama memeriahkan Majlis Iftar Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA).
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud yang sudi hadir untuk turut bersama kami pada majlis petang ni. Sesungguhnya kehadiran Dato' Sri merupakan satu penghormatan kepada kami di KOPSYA dan juga warga

koperasi. Kami amat menghargai sokongan berterusan yang diberikan oleh KUSKOP dalam memastikan pembangunan koperasi terus berkembang seiring dengan arus ekonomi negara.

4. Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua ahli rakan koperasi serta rakan strategik turut hadir pada program ini. Sokongan serta sinergi berterusan daripada anda semua merupakan antara faktor berkembangnya dan berjayaanya KOPSYA pada hari ini.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

5. Sesungguhnya, bulan ini adalah bulan yang istimewa di mana banyak peristiwa penting dalam sejarah Islam berlaku, termasuklah nuzul al-Quran, di mana Allah S.W.T menurunkan kitab-Nya sebagai petunjuk hidup umat manusia. Ramadan juga merupakan bulan yang dimulakan dengan malam Lailatul Qadar,

yang mana ia lebih baik daripada seribu bulan.

6. Daripada Aisyah RA, diceritakan dengan maksudnya: *"Rasulullah SAW berusaha sedaya upaya pada malam sepuluh akhir Ramadhan melebihi usahanya daripada malam-malam yang lain"*. **[Riwayat Muslim, no. Hadith 2009]**
7. Program pada petang ini juga merupakan peluang untuk kita bersama mengukuhkan ikatan kerjasama antara sesama kita, kerana dalam Islam, kerjasama adalah satu nilai yang sangat dituntut. Firman Allah yang berbunyi:
"Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam perkara-perkara kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara-perkara kejahatan dan permusuhan." (al-Maidah: 2)
8. Melalui semangat inilah, KOPSYA terus berusaha untuk mengukuhkan kerjasama antara koperasi-koperasi anggota dan rakan strategik, supaya kita semua dapat

bersama-sama membangunkan ekonomi yang lebih baik buat masyarakat dan juga negara.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

9. Setinggi-tinggi kesyukuran juga dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya KOPSYA yang telah ditubuhkan 14 tahun yang lalu, pelbagai cabaran dan halangan yang ditempuhi namun KOPSYA masih tetap teguh mengorak langkah dan berjaya dengan cemerlang sehingga kini. Alhamdulillah KOPSYA masih kekal komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merealisasikan Visi dan Misi. Untuk makluman hadirin, KOPSYA telah menambahbaik Visi dan Misi selepas lebih 14 tahun beroperasi untuk lebih jelas menerangkan arah tuju, strategi dan aktiviti-aktiviti utama KOPSYA.
10. KOPSYA terus komited dalam menyediakan perkhidmatan kewangan Islam yang bukan sahaja memanfaatkan koperasi anggota, tetapi juga

menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi negara melalui pelbagai inisiatif yang dijalankan.

11. Objektif utama KOPSYA dalam landskap Gerakan Koperasi Negara semestinya untuk sentiasa menyumbang manfaat kepada Koperasi Anggota dengan menyediakan Perkhidmatan Kewangan Islam ke arah mempelbagaikan pendanaan sumber modal perniagaan Gerakan Koperasi. KOPSYA sentiasa bersedia membantu memacu kompetensi koperasi melalui kepelbagaian aktiviti dalam menjana pertumbuhan dan pengukuhan sosio ekonomi koperasi anggotanya.

12. Pada tahun 2023, KOPSYA telah berjaya menduduki tempat ke 21 dalam 100 koperasi terbaik di Malaysia.

13. Pada 18 Julai 2024, KOPSYA telah sekali lagi dinobatkan sebagai koperasi terbaik ke 21 dalam 100 buah koperasi malaysia pada tahun 2024. Pengiktirafan ini menunjukkan pencapaian KOPSYA

yang baru menjangkau 14 tahun penubuhan tetapi berjaya mencatatkan pencapaian yang membanggakan.

Para Hadirin Sekalian,

- 14. Pembiayaan merupakan perniagaan teras KOPSYA. Sehingga kini, KOPSYA telah meluluskan pembiayaan kepada koperasi Anggota dengan jumlah sebanyak RM1,231,024,349.44 (1.23 Billion) dan telah membuat pengeluaran sebanyak RM780,984,817 (781 Juta) setakat 28 Februari 2025.**

Pihak ALK bersama pengurusan terus berusaha mengadakan perbincangan dengan Institusi kewangan bagi meluaskan sumber pendanaan.

YBhg. Dato' Sri

- 15. Untuk makluman Ybhg Dato' Sri, salah satu usaha yang dijalankan oleh KOPSYA untuk menambah dana adalah dengan memohon Tabung Modal Pusingan (TMP) dengan sebanyak RM5.0 Juta. KOPSYA telah memohon sejak bulan Februari 2025**

dan memohon pertimbangan dari Ybhg Dato Sri untuk melihat permohonan TMP KOPSYA.

16. Untuk memastikan pendanaan KOPSYA kepada koperasi terutamanya koperasi kredit dapat dibuat secara berterusan, KOPSYA telah membuat keputusan untuk menerbitkan sukuk berjumlah RM2.0 billion yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2025.
17. Penerbitan sukuk bukan sesuatu perkara yang mudah disebabkan ianya tidak pernah berlaku dalam sejarah koperasi di Malaysia. Malahan KOPSYA telah membuat pembentangan kepada SKM pada 22 Ogos 2023 dan 3 Januari 2024 dan pembentangan kepada Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (KUSKOP) Ybhg Datuk Ewon Benedict pada 21 November 2023 untuk menerangkan mengenai penerbitan sukuk yang akan dijalankan di mana pihak SKM juga amat menyokong usaha yang dijalankan oleh KOPSYA. KOPSYA akan menjadi koperasi pertama yang

menerbitkan sukuk dan 27 buah koperasi-koperasi Kredit akan menjadi koperasi perintis / pertama yang akan bekerjasama dengan KOPSYA dalam usaha menerbitkan sukuk.

18. Sehingga 28 Februari 2025, KOPSYA telah merekodkan peningkatan penyertaan koperasi menjadi Anggota KOPSYA dengan jumlah terkini keanggotaan sebanyak 1750 buah Koperasi anggota di seluruh Malaysia dengan jumlah syer terkumpul sebanyak RM69,700,745.81.

19. Justeru itu, KOPSYA menyeru Koperasi Anggota hadir pada petang ini supaya menambah syer dan menyuarakan untuk mempromosikan KOPSYA kepada koperasi-koperasi yang lain untuk menganggotai KOPSYA.

20. Pada 25 Mei 2024 di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) 2024, KOPSYA telah melancarkan satu pelaburan baru jangka panjang bernama Pelaburan Al Falah (yang membawa maksud kejayaan).

21. Selepas pelancaran, KOPSYA telah menerima banyak respon yang positif dari Koperasi Anggota yang telah merebut peluang melabur di KOPSYA dengan minima pelaburan sebanyak RM100,000.00 dengan jangkaan kadar keuntungan sehingga 5% setahun.
22. Ini secara tidak langsung akan membantu menyediakan lebih banyak sumber modal untuk KOPSYA menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada Koperasi Anggota dari segi pembiayaan projek-projek ataupun menawarkan pelaburan deposit yang memberikan pulangan kadar jangkaan keuntungan yang lebih kompetitif kepada Koperasi Anggota. Dengan sokongan padu ini, saya amat yakin KOPSYA akan terus bergerak maju dalam landskap ekonomi negara.
23. Pada 25 Mei 2024 di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) 2024, Perwakilan KOPSYA telah bersetuju sebulat suara untuk meluluskan pembukaan Ar-Rahnu.

- 24. Dalam proses pembukaan Ar- Rahnū, KOPSYA telah ditawarkan oleh IKMa menjadi salah satu koperasi perintis untuk menggunakan sistem Ar-Rahnū dan KOPSYA juga telah melantik IKMa sebagai konsultan untuk membantu KOPSYA membuka Ar-Rahnū. Di sini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang telah banyak membantu KOPSYA untuk merealisasikan usaha KOPSYA untuk membuka Ar-Rahnū.**
- 25. Premis Ar-Rahnū pertama dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2025 di Saujana Utama, Sungai Buloh.**
- 26. Untuk makluman YBhg Dato' Sri, KOPSYA juga telah membuat permohonan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk pembukaan Ar-Rahnū. Justeru, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk**

mempertimbangkan permohonan KOPSYA untuk pembukaan Ar-Rahnu.

27. KOPSYA juga telah berjaya diiktiraf oleh SIRIM bagi mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 29 Disember 2023, yang mana uniknya gerak kerja bagi mendapatkan pensijilan ini dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang dari setahun.

Para Hadirin Sekalian,

28. Saya yakin usaha murni yang dijalankan oleh KOPSYA akan dapat membantu memajukan koperasi anggota yang telah banyak menyumbang manfaat kepada masyarakat akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada ALLAH S.W.T., Tuhan Yang Maha Esa. Ins-sya Allah.

29. Akhir kata, Saya ingin menyeru semua koperasi anggota untuk terus menyokong KOPSYA, bukan hanya dengan menambah syer atau deposit, tetapi juga dengan terus

mempromosikan KOPSYA kepada koperasi-koperasi lain agar kita dapat bersama-sama memperkasakan gerakan koperasi di negara ini.

30. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang sentiasa memberi sokongan, kerjasama dan bimbingan kepada KOPSYA bagi melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
31. Sekali lagi terima kasih kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, serta semua rakan koperasi dan rakan strategik yang hadir mengimarahkan majlis pada petang ini.
32. Semoga usaha serta amal ibadah kita semua dalam bulan Ramadan ini diberkati dengan kesihatan yang baik,

diberi ketabahan dalam menghadapi ujian,
dan dikurniakan rezeki yang melimpah.
Semoga kita semua dapat meneruskan
perjuangan untuk mengukuhkan ekonomi
koperasi dan negara, InsyaAllah.

Sekian,
Wabillahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.